

IMPAK EKOPELANCONGAN TERHADAP PERSEKITARAN, PEMBANGUNAN EKONOMI, SOSIAL DAN BUDAYA KOMUNITI SETEMPAT DI PANTAI TANJUNG KEMBANG KABONG, SARAWAK

(Ecotourism Impact on The Economic Development of Local Community at Tanjung Kembang Kabong Beach, Sarawak)

Azimah Abd Rahman, Ainur Nelisa Kamaruzaman & Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid

ABSTRAK

Pantai Tanjung Kembang di Kabong, Sarawak merupakan salah satu kawasan ekopelancongan yang mula mendapat perhatian dan kunjungan pengunjung dalam negara mahupun luar negara. Keindahan semulajadi di kawasan ini berpotensi untuk dibangunkan dan dikomersialkan namun kekurangan sambutan daripada komuniti setempat dan kemudahan asas yang tidak mencukupi menyekat usaha untuk membangunkan kawasan ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pelancongan serta kesannya terhadap persekitaran, pembangunan ekonomi, sosial dan budaya komuniti setempat di Pantai Tanjung Kembang. Kaedah kuantitatif digunakan iaitu pengedaran set borang soal selidik kepada komuniti setempat yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam aktiviti ekopelancongan di kawasan ini. Seramai 77 orang responden telah terlibat di dalam tinjauan ini iaitu di kalangan komuniti setempat. Teknik analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan aplikasi *Package for Social Science (SPSS)* versi 27.0 seperti nilai min, kekerapan dan sisihan piawai. Dapatkan kajian mendapati bahawa tiga jenis pekerjaan utama atau penglibatan oleh komuniti di sekitar kawasan termasuklah peniaga kecil-kecilan (35 orang), pemandu pelancong (21 orang) dan pekebun kelapa (21 orang). Apek ekonomi akibat daripada aktiviti ekopelancongan menunjukkan kesan yang positif apabila pernyataan “peluang pekerjaan”, “peluang perniagaan”, “industri produk berkembang” dan “menjana pendapatan” mendapat kan nilai min yang tinggi iaitu masing-masing (4.65), (4.57), (4.56) dan (4.48). Manakala aspek sosial pula terdapat dua pernyataan yang mempunyai nilai min tinggi iaitu “Peningkatan masalah sosial” (4.66) dan “Kemasukan warga asing” (4.69). Pernyataan bagi persekitaran ketiga-tiganya mendapatkan nilai min yang tinggi iaitu “Kebersihan kawasan terjejas” (4.40), “Pencemaran meningkat” (4.43) dan “Hasil tangkapan terjejas” (4.62). Akhir sekali, hanya satu pernyataan yang berkaitan dengan budaya yang mendapat nilai min tinggi iaitu “Pemuliharaan landskap” (4.00). Melalui kajian ini dapat membuktikan bahawa kawasan Pantai Tanjung Kembang sememangnya berpotensi untuk dibangunkan sebagai salah satu kawasan ekopelancong di negeri Sarawak. Namun begitu, pihak bertanggungjawab khususnya kerajaan negeri berperanan dalam memberi bantuan dan sokongan dari segi kewangan dan pendedahan bagi mengalakkan penglibatan komuniti tempatan secara langsung dalam aktiviti ekopelancongan di kawasan ini. Usaha ini adalah untuk mendorong komuniti tempatan dalam menambahbaik tahap ekonomi mereka dan menghapuskan stigma negatif terhadap pembangunan sekitar kawasan Pantai Tanjung Kembang sebagai kawasan ekopelancongan yang dilakukan.

Hasil kajian ini juga membantu perancangan dan pelaksanaan pembangunan ekopelancongan di sekitar kawasan Pantai Tanjung Kembang yang mendapat sambutan dan kerjasama masyarakat setempat.

Kata kunci : Pantai Tanjung Kembang ,ekopelancongan, komuniti tempatan, pelancong

ABSTRACT

Pantai Tanjung Kembang in Kabong, Sarawak is one of the ecotourism areas that are beginning to get the attention and visits of visitors in the country and abroad. The nature of the area has the potential to be developed and commercialized but the lack of response from the local community and inadequate basic facilities constrain efforts to develop the area. Therefore, this study was conducted to see the involvement of local communities in tourism activities and its impact on the environmental, economic, social, and cultural development of local communities in Pantai Tanjung Kembang. The method used in this survey is through a quantitative approach that is by distributing a set of questionnaires to local communities that are directly or indirectly involved in ecotourism activities in this area. A total of 77 respondents were involved in this survey, namely among the local community. The analysis technique used in this study is to use the Package for Social Science (SPSS) version 27.0 such as mean value, frequency, and standard deviation. The findings of the study found that the three main types of employment or involvement by the community around the area include small-scale businesses (35 people), tour guides (21 people), and coconut growers (21 people). The economic impact as a result of ecotourism activities showed a positive effect when the statements "employment opportunities", "business opportunities", "growing product industry" and "income generation" got a high mean value of (4.65), (4.57), (4.56) and (4.48), respectively. While the social aspect, two statements have a high mean value, namely "Increased social problems" (4.66) and "Entry of foreigners" (4.69). The statements for all three environments obtained high mean values, namely "Cleanliness of the affected area" (4.40), "Increased pollution" (4.43), and "Affected catch" (4.62). Finally, only one culture-related statement received a high mean value of "Landscape conservation" (4.00). Through this study, it can be proven that the Tanjung Kembang Beach has the potential to be developed as one of the ecotourism areas in Sarawak. However, the responsible parties, especially the state government, play a role in providing assistance and support in terms of finance and exposure to encourage local communities in ecotourism activities in this area. This effort is to encourage local communities in improving their economic level and eliminate the negative stigma on development around the Tanjung Kembang Beach area as an ecotourism area. The results of this study also help the planning and implementation of ecotourism development around the Tanjung Kembang Beach area which has received response and cooperation from the local community.

Keywords: Pantai Tanjung Kembang, ecotourism, local communities, tourists

PENGENALAN

Industri pelancongan telah berkembang pesat dan pada hari ini industri tersebut merupakan antara salah satu industri terbesar dan paling pesat berkembang di dunia. Malaysia tidak terkecuali apabila kedatangan pelancong sejak 10 tahun kebelakangan ke negara ini telah meningkat (Habibi, 2017). Industri pelancongan Malaysia juga telah menyumbang keuntungan yang amat besar kepada ekonomi negara dan telah terbukti bahawa industri ini merupakan antara sektor yang mendorong kepada pertumbuhan ekonomi negara (Ibrahim et al., 2015). Pada tahun 2018, sektor pelancongan Malaysia telah menyumbangkan sebanyak RM84.1 bilion kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan kedatangan sebanyak 25.8 juta pelancong antarabangsa. Jumlah tersebut menunjukkan penurunan sebanyak 0.4 peratus berbanding tahun 2017 yang mencatatkan seramai 25.9 juta pelancong. Walaupun begitu, jumlah perbelanjaan pelancong di negara ini telah menunjukkan keuntungan yang amat memberangsangkan. Sebagai contohnya, pasaran jarak ASEAN antara penyumbang terbesar perbelanjaan pelancongan dengan nilai sebanyak RM48.5 bilion, akan tetapi terdapat pengurangan sebanyak 12.8 peratus berbanding 2017 sebanyak RM55.6 bilion (Noor et al., 2019).

Statistik menunjukkan Malaysia merupakan negara ketiga yang paling ramai menerima pelancong dari Asia Timur selepas China dan Hong Kong. Ini terbukti apabila seramai 10.2 juta orang pelancong (termasuk pelancong domestik) berkunjung ke Malaysia pada tahun 2000 dengan sumbangan pendapatan sebanyak RM20 bilion, termasuk RM17 bilion daripada pertukaran wang asing (Annuar, 2019). 6.4 juta pelancong diramalkan akan mengunjungi Malaysia dan angka tersebut melebihi daripada jangkaan Menurut Muadz (2019), Malaysia menyasarkan kedatangan pelancong asing sebanyak 33.1 juta ada tahun 2018. Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Mohammadin Ketapi menyatakan bahawa terdapat 8.47 juta ketibaan pelancong antarabangsa direkodkan pada suku tahun pertama dengan peningkatan ketara daripada pelancong dari China (37.2%), India (21.2%), Korea Selatan (26.5), Kanada (28%) dan Amerika Syarikat (23%).

Salah satu cabang di dalam industri pelancongan ini adalah ekopelancongan. Ekopelancongan yang berasaskan komuniti adalah sangat penting untuk diberikan perhatian kerana ia melibatkan penyertaan komuniti setempat. Melalui ekopelancongan ini, minat komuniti setempat dalam amalan pemuliharaan dan kesedaran alam sekitar dapat dipertingkatkan lagi (Saidin et al., 2015). Pengetahuan yang luas serta pemahaman yang jelas berkaitan dengan masalah persekitaran adalah sangat kritikal bagi seseorang individu untuk membuat keputusan yang sesuai dalam konteks persekitaran (Limmanee, 2018) Oleh itu, ekopelancongan dianggap sebagai satu jenis aktiviti pelancongan yang sangat sesuai dilakukan terutama bagi menjaga alam sekitar supaya tidak terjejas. Jadi, ekopelancongan ini juga sangat berkait rapat dengan pelancongan lestari (Fennell, 2020).

Ekopelancongan dapat didefinisikan sebagai ses sebuah perjalanan atau lawatan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar untuk mengecapi dan mengetahui akan sifat-sifat semula jadi termasuk sifat-sifat kebudayaan, menggalakkan pemeliharaan alam sekitar, mengelakkan impak negatif serta melibatkan komuniti tempatan di dalam aktiviti sosioekonomi yang positif (KC et al., 2015). Dalam hal ini, sumber-sumber pelancongan semula jadi termasuklah ekopelancongan, kebudayaan dan lain-lain perlu dipelihara dan dikenalkan tanpa menjelaskan perolehan manfaat kepada masyarakat. Oleh yang demikian dapat disimpulkan

bahawa, aktiviti ekopelancongan adalah pelancongan yang memelihara kelestarian alam semula jadi, serta menyediakan pelbagai kemudahan di kawasan tersebut (Santarem et al., 2020).

Ekopelancongan juga merupakan penyumbang terbesar kepada sektor pelancongan negara pada masa kini (Mayan & Nor, 2016). Pemahaman masyarakat terhadap hubungan alam sekitar dengan aktiviti pelancongan penting bagi meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan kesejahteraan manusia secara keseluruhannya (KC et al., 2015). Ekopelancongan mempunyai keupayaan untuk berkembang dalam industri pelancongan dunia terutamanya dalam merancakkan ekonomi dan menjadi penggalak kepada perubahan persekitaran fizikal (KC et al., 2015). Selain itu, aktiviti ekopelancongan juga berupaya membawa perubahan budaya dan sosial tempatan terutamanya kepada sistem nilai, cara hidup lama, hubungan kekeluargaan, perlakuan individu atau susunan komuniti sesuatu kawasan. Aktiviti ekopelancongan mampu membawa pelancong lebih dekat kepada keluarga, iaitu mereka boleh menjalankan aktiviti bersama anak-anak, mengeratkan hubungan kekeluargaan, mempelajari, dan merasai suatu keseronokan yang baharu bersama ahli keluarga yang tercinta (Faizal et al., 2017).

Tahun Melawat Malaysia yang telah diisytiharkan pada tahun 1990 oleh kerajaan dan usaha ini menunjukkan bahawa kerajaan memberi pandangan yang serius terhadap industri pelancongan. Hal ini demikian kerana, industri pelancongan berupaya untuk memajukan ekonomi negara. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai keistimewaan tersendiri dan mempunyai banyak destinasi ekopelancongan telah diwujudkan untuk memberi pengalaman kepada pelancong sama ada dari dalam dan luar negara bagi menikmati keindahan semula jadi (AdrianaTisca et al., 2016). Setiap negeri di Malaysia mempunyai tarikan ekopelancongan yang tersendiri dan berpotensi tinggi untuk dikomersialkan diperingkat antarabangsa yang menyediakan pemandangan semulajadi hutan dan kawasan pantai yang memberi pengalaman yang menarik kepada pengunjungnya seperti Taman Negara Kuala Tahan di Pahang, Taman Geo Kilim Karst, Langkawi di Kedah dan Pulau Mabul di Sabah. Kegiatan ekopelancongan terutamanya dikawasan pantai yang menawarkan pelbagai aktiviti seperti aktiviti permainan air, menangkap ketam, mengutip kepah, pepahat dan pelbagai hasil laut menggalakkan kedatangan pengunjung yang berterusan dari dalam maupun luar negara (Bashar, 2018).

Rentetan itu, kajian ini telah memilih sebuah lokasi ekopelancongan di kawasan pantai iaitu pantai Tanjung Kembang, Sarawak. Rasional pemilihan kawasan ini adalah disebabkan kawasan ini masih lagi kurang dibangunkan serta sambutan daripada komuniti setempat dalam menjalankan aktiviti ekopelancongan di kawasan tersebut adalah tidak memberangsangkan. Perkara ini mungkin disebabkan oleh status Pantai Tanjung Kembang yang masih lagi baru dibangunkan sebagai lokasi percutian dan pelancongan di daerah Kabong. Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh aktiviti ekopelancongan yang baharu sahaja dibangunkan serta diperkenalkan di sekitar kawasan pantai ini dapat memberikan impak sama ada positif maupun negatif terhadap ekonomi komuniti setempat.

KAJIAN LITERATUR

Kawasan ekopelancongan kebiasaannya terletak di kawasan semula jadi kawasan luar bandar iaitu dengan beberapa infrastruktur telah dibina untuk menyediakan perkhidmatan pelancongan. Pembinaan infrastuktur ini sudah semestinya memerlukan kawasan yang luas untuk membinanya namun perkara yang menarik mengenai ekopelancongan adalah penerapan penjagaan alam sekitar di samping menjalankan aktiviti ekonomi secara *in situ*. Produk ekopelancongan merupakan salah satu aktiviti pelancongan yang mendapat perhatian di Malaysia pada masa kini. sebagai trend terkini dalam sector pelancongan, ekopelancongan kini lebih diminati oleh pengunjung dari luar negara khususnya. Oleh itu, aktiviti pelancongan jenis ini menjadi landasan terbaik bagi menarik kehadiran pelancong asing untuk berkunjung ke Malaysia. Kekayaan negara termasuklah persekitaran semulajadi seperti kawasan hutan, gunung ganang, pulau, kawasan batu kapur dan lainnya yang menyediakan tarikan semulajadi yang unik serta menjanjikan pengalaman yang berharga buat para pelancong sama ada dari dalam maupun luar negara. Pembangunan aktiviti ekopelancongan secara positif memberi manfaat jangka panjang kepada komuniti tempatan (Bansil et al., 2015).

Ekopelancongan merupakan bidang yang luas dan berkait rapat dengan penghasilan produk, perkhidmatan dan juga komuniti setempat (Bansil et al., 2015). Dalam hal ini, komuniti setempat khususnya memainkan tugas yang penting sebagai faktor kepada proses pembangunan ekonomi, perubahan sosial dan politik yang berkait rapat dengan aktiviti ekopelancongan. Dalam hal ini, aktiviti ekopelancongan seharusnya menyeimbangkan antara pembangunan dan juga pemeliharaan alam sekitar secara berterusan (Boley & Green, 2016). Ekopelancongan terbukti berjaya memberi impak positif kepada sosio-ekonomi komuniti tempatan yang terlibat dalam pembangunan ekopelancongan melalui peningkatan peluang dalam pekerjaan dan perniagaan serta menaik taraf kemudahan infrastruktur bagi kawasan yang terlibat (Mayan & Nurul, 2017).

Di samping itu, kesan positif yang lain adalah dalam aspek pembangunan komuniti dengan adanya pembangunan ekopelancongan (Sardina & Purnawan, 2015). Melalui aktiviti ekopelancongan, komuniti tempatan khususnya di kawasan pedalaman dapat menikmati manfaat dari aktiviti pelancongan ini terutamanya dari segi janaan ekonomi dan pembangunan kemudahan setempat yang sebelum ini tidak begitu diberi perhatian. Aktiviti-aktiviti seperti mendaki gunung, menyusuri sungai dan merentas hutan serta penyediaan keperluan ekopelancongan lain seperti menawarkan kemudahan inap desa yang kini mendapat sambutan yang luar biasa dari pelancong dalam dan luar negara kerana harga yang rendah dan memberi pengalaman yang berbeza kepada pelancong khususnya dari luar negara (Mayan & Nurul, 2017). Sambutan yang menggalakkan terhadap aktiviti-aktiviti inilah yang akan menjadi sumber pendapatan komuniti setempat dan kemajuan ekonomi kawasan ekopelancongan tersebut. Ekopelancongan juga memberi kesan sosio-budaya yang positif dalam peningkatan ekonomi tempatan melalui penerimaan faedah kewangan dari ekopelancongan (Vishwanatha et al., 2014). Walau bagaimanapun, Vishwanatha et al. (2014) menyimpulkan bahawa secara teorinya perkembangan ekopelancongan hanya mendarangkan kesan minimum sahaja pada budaya tuan rumah.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan juga bahawa aktiviti ekopelancongan ini boleh mendarangkan impak yang negatif. Misalnya, penduduk tempatan di pantai Tanjung Kembang menyedari bahawa terdapatnya pertambahan pendatang tanpa izin (PATI) yang dibawa masuk

oleh penduduk tempatan sebagai tenaga kerja di kebun mahupun di kedai mereka bagi membantu operasi kerja yang dijalankan (Lyndon, 2019). Kedatangan warga asing ini membawa budaya dan gaya hidup negatif kepada penduduk tempatan khususnya dan mempengaruhi anak-anak muda di sana. Sementara, Choi dan Ritchie (2014) juga ada mengatakan dari segi sosial dan budaya sebenarnya masyarakat tempatan hanya dapat memperoleh sedikit keuntungan daripada pengunjung. Sebaliknya, pengunjung atau pelancong luar dilihat memberi kesan kepada budaya tempatan, dan para belia mula belajar dan mengenali budaya asing dan mengabaikan budaya tradisional.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kesan pembangunan kawasan pantai tanjung kembang sebagai kawasan ekopelancongan kepada komuniti setempat. Terutamanya untuk perkembangan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang secara tidak langsung memberi impak positif dan negatif untuk komuniti tempatan seperti yang dilaporkan oleh Lyndon (2019). Bagi mencapai tujuan tersebut peningkatan pengetahuan persekitaran dalam setiap diri individu atau komuniti setempat amat perlu. Hal ini demikian kerana, pengetahuan persekitaran yang merupakan pemboleh ubah yang sangat penting kerana ia dapat mempengaruhi tahap penglibatan dalam penjagaan persekitaran (Fang et al., 2018). Individu yang mencari pengetahuan atau mempelajari isu-isu yang berkaitan dengan alam semula jadi didapati akan lebih cenderung untuk bertindak secara ekologi (Oguz et al., 2011).

Secara keseluruhannya, banyak kajian terdahulu yang mengkaji kesan pembangunan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan yang menyentuh aspek ekonomi dan sosial di Malaysia. Terdapat kesan negative dan positif di perolehi melalui amalan ekopelancongan ini khususnya kepada warga tempatan yang terkesan secara langsung dengan pembangunan aktiviti ini di sekitar kawasan kediaman mereka. Namun begitu, kajian ini lebih menumpukan kepada persepsi masyarakat dan faktor-faktor yang menyebabkan komuniti tempatan kurang memberi sokongan terhadap pembangunan ekopelancongan di kawasan mereka yang di anggap berpotensi besar untuk dibangunkan. Melalui kajian ini juga, hala tuju dan harapan masyarakat pada masa hadapan terhadap aktiviti ekopelancongan yang telah di bangunkan juga di kenalpasti. Kajian ini adalah penting sebagai panduan bagi pembangunan kawasan ekopelancongan pada masa hadapan supaya mendapat sokongan penuh oleh penduduk tempatan yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan aktiviti ini secara berterusan.

METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Kawasan Kajian

Kajian ini dilakukan sekitar kawasan Pantai Tanjung Kembang Kabong, bahagian Betong, Sarawak mempunyai keluasan 398.14 kilometer persegi. Jaraknya dari bandar Saratok adalah 63 km sementara dari Sarikei adalah sejauh 85 km (Rajah 1). Berdasarkan kedudukan geografinya Kabong terletak di Kuala Batang Krian. Berdasarkan sejarahnya pula, Kabong merupakan tempat terbinanya *Fort Charles* pada zaman pemerintahan Brooke pada tahun 1878. Ia dibina oleh seorang pegawai Brooke yang dikenali sebagai *Maxwell*. Pantai Tanjung Kembang Kabong adalah antara kawasan yang kurang mendapat perhatian untuk dibangunkan sebagai lokasi ekopelancongan walaupun mempunyai potensi yang besar untuk dikomersialkan. Kabong sangat

terkenal dengan kekayaan makanan laut seperti obor-obor, ikan, ikan masin dan ikan salai yang boleh didapati dengan harga yang sangat murah jika dibandingkan di kawasan-kawasan bandar atau elit. Salah aktiviti yang sangat menarik yang pernah dilakukan di pantai Tanjung Kembang ini adalah Pesta Layang-layang Antarabangsa Kabong yang menampilkan perayaan budaya layang-layang di seluruh pantai. Festival ini bertujuan untuk mempromosikan warisan layang-layang dan pantai yang indah di Kabong. Pada masa yang sama festival ini juga menampilkan gerai penjualan produk tempatan dan pameran, pertandingan sukan pantai, pertandingan karaoke terbuka, festival malam dan banyak lagi.

Kawasan ini mempunyai kawasan pantai yang masih terpelihara yang dapat menawarkan pelbagai aktiviti berdasarkan pantai sekiranya dibangunkan dengan baik (Halim et al., 2012). Kawasan pantai Tanjung Kembang ini telah mula mendapat perhatian kerajaan negeri untuk dibangunkan namun sambutan pengunjung terhadap kawasan pantai ini masih berada di tahap rendah. Pada hari ini kerajaan negeri telah melakukan usaha pembangunan kawasan pantai ini melalui penyediaan kemudahan asas untuk para pengunjung namun masih tidak mencukupi. Selain itu, potensi pantai Tanjung Kembang sebagai kawasan ekopelancongan kurang diketahui dan tidak mendapat sambutan oleh penduduk tempatan yang masih selesa melakukan aktiviti harian mereka sebagai nelayan, peniaga kecil dan juga petani. Keadaan ini menjadi punca kawasan ini tidak dipromosikan sebaiknya oleh penduduk tempatan bagi menarik kemasukan pengunjung dari dalam dan luar negara (Halim et al., 2017). Oleh itu, penyelidik memilih pantai Tanjung Kembang sebagai kawasan kajian bertujuan untuk membantu kerajaan negeri dan kerajaan tempatan untuk mengenalpasti penglibatan komuniti setempat di kawasan ini dalam aktiviti ekopelancongan serta impak yang mereka dapat perolehi daripada penglibatan tersebut.

Rajah 1 : Peta lokasi kajian



Sumber : Lakaran penyelidik menggunakan perisian ArcGIS 10.5

Pengumpulan Data Kajian

Bagi menjawab semua persoalan dalam kajian ini, pengkaji memilih pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif dipilih adalah kerana ia merupakan satu penyelidikan yang menekankan kepada fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data. Salah satu instrumen kuantitatif yang paling banyak digunakan oleh penyelidik adalah set borang kaji selidik. Penggunaan borang kaji selidik sebagai salah satu instrumen sangat sesuai kerana ia lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden. Borang soal selidik digunakan untuk menemubual 77 orang responden di sekitar kawasan kajian iaitu Pantai Tanjung Kembang, Kabong yang berkenaan mengenai kesan serta pengaruh sosio-ekonomi ekopelancongan. Pemilihan responden yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini dipilih secara rawak dari kalangan komuniti yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan aktiviti ekopelancongan di kawasan ini yang terdiri daripada peniaga, nelayan, pekebun dan pengunjung yang melawat kawasan ini.

Borang soal selidik yang dihasilkan oleh penyelidik sendiri mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A iaitu profil demografi responden, Bahagian B iaitu penglibatan komuniti dalam aktiviti ekopelancongan dan Bahagian C iaitu kesan ekopelancongan terhadap perkembangan ekonomi komuniti setempat bagi membolehkan objektif kajian ini dicapai. Data-data yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0. penggunaan borang kaji selidik adalah merupakan sumber data primer bagi kajian ini manakala data sekunder dikumpulkan dari pelbagai sumber maklumat seperti jurnal, buku, perpustakaan, laman web, laporan dan literatur lain.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Sebanyak 77 set borang soal selidik diberikan dalam tinjauan untuk dianalisis. Ciri-ciri responden yang dipilih untuk dibincangkan merangkumi jantina, umur, status perkahwinan, bangsa, taraf pendidikan dan pendapatan kasar isi rumah bulanan. Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bagi profil demografi responden yang diperoleh daripada tinjauan yang telah dilakukan. Dari segi jantina, majoriti responden adalah terdiri daripada golongan lelaki (58.4%) manakala perempuan hanya (41.6%). Daripada perbezaan peratusan antara responden lelaki dan responden perempuan berkemungkinan disebabkan oleh persampelan rawak yang digunakan yang mana penduduk perempuan mungkin tidak hadir ketika proses temu bual dilakukan.

Sementara, sebilangan besar responden berada dalam kumpulan umur 28 - 38 tahun dan 39 - 49 tahun iaitu masing-masing 26.0%. Kemudian, diikuti oleh kumpulan umur 17 - 27 tahun (23.4%), 50 - 60 tahun (14.3%) dan 60 tahun dan ke atas (10.4%). Responden berstatus berkahwin yang mengambil bahagian dalam tinjauan ini adalah majoriti iaitu sebanyak 67.5%, golongan bujang pula adalah kurang daripada separuh responden (22.1%) dan duda/janda (10.4%). Terdapat hanya tiga bangsa yang berbeza yang terlibat dalam tinjauan ini, iaitu Melayu, Cina dan Iban. Hal ini demikian kerana, kawasan Pantai Tanjung Kembang, Sarawak

majoritinya terdiri daripada orang Melayu (41.6%) berbanding kaum-kaum lain seperti Cina (32.5%) dan Iban (26.0%).

Sebilangan besar responden mempunyai taraf pendidikan Sekolah Menengah Tinggi (66.2%), diikuti oleh taraf pendidikan Sekolah Menengah Rendah (19.5%), Sijil/Diploma (13.0%) dan Ijazah ke atas (1.3%). Selain itu, dari segi pendapatan kasar isi rumah bulanan pula rata-rata responden mempunyai pendapatan sebanyak RM600-RM800 sebulan (46.8%), diikuti yang berpendapatan sebanyak RM900-RM1100 (22.1%), RM 300-RM500 (16.9%) dan RM1200 ke atas (14.3%).

Jadual 1: Profil sosio-demografi responden

Pembolehubah	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	45	58.4
Perempuan	32	41.6
Umur		
17 - 27 tahun	18	23.4
28 - 38 tahun	20	26.0
39 - 49 tahun	20	26.0
50 - 60 tahun	11	14.3
60 tahun dan ke atas	8	10.4
Status Perkahwinan		
Berkahwin	52	67.5
Duda/Janda	8	10.4
Bujang	17	22.1
Bangsa		
Melayu	32	41.6
Cina	25	32.5
Iban	20	26.0
Taraf Pendidikan		
Sekolah Menengah Rendah	15	19.5
Sekolah Menengah Tinggi	51	66.2
Sijil/Diploma	10	13.0
Ijazah ke atas	1	1.3
Pendapatan		
RM 300-RM500	13	16.9
RM600-RM800	36	46.8
RM900-RM1100	17	22.1
RM1200 ke atas	11	14.3

Penglibatan Komuniti dalam Aktiviti Ekopelancongan

Bagi komponen untuk penglibatan utama komuniti di kawasan Pantai Tanjung Kembang Kabong, Sarawak, pengkaji telah menyenaraikan tiga jenis pekerjaan utama oleh komuniti di sekitar kawasan termasuklah pemandu pelancong, peniaga kecil-kecilan dan pekebun kelapa (Jadual 2). Majoriti komuniti yang melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan

termasuklah seperti membuka kedai makanan yang berasaskan makanan laut, menjual hasil produk tempatan seperti ikan masin, ikan salai serta gerai menjual kraftangan dari bangsa Iban. Bagi komuniti yang mengusahakan kebun kelapa pula, mereka mempunyai kebun kelapa yang sangat luas dan mampu untuk memenuhi permintaan para pembeli dan pengunjung yang datang ke kawasan kajian.

Jadual 2 di bawah menunjukkan tiga jenis penglibatan utama yang dilakukan oleh komuniti setempat di sekitar Pantai Tanjung Kembang Kabong, Sarawak. Berdasarkan kategori umur, majoriti komuniti setempat yang berumur dalam lingkungan 17-27 tahun, 39-49 tahun dan 28-38 tahun majoritinya bekerja sebagai peniaga secara kecil-kecilan iaitu masing-masing 11, 11 dan 10 orang. Bagi responden yang bekerja sebagai pemandu pelancong pula kebanyakannya adalah daripada golongan yang berumur antara 28-38 tahun dan 39-49 tahun iaitu masing-masing enam dan tujuh orang. Manakala bagi komuniti yang terlibat di dalam aktiviti berkebun kelapa majoritinya warga tua dan warga emas yang berumur 60 dan ke atas iaitu sebanyak lapan orang. Berdasarkan hasil kajian juga menunjukkan warga tua yang berumur di atas 60 tahun tidak terlibat dalam pekerjaan-pekerjaan yang lain seperti pemandu pelancong dan berniaga. Bagi responden yang berusia di antara 50-60 tahun pula majoriti mereka melakukan pekerjaan sebagai pekebun kelapa dan pemandu pelancong.

Jadual 2: Penglibatan utama komuniti setempat mengikut kumpulan umur

Umur	Penglibatan Utama			Jumlah
	Pemandu pelancong	Peniaga	Pekebun kelapa	
17-27	4	11	3	18
28-38	6	10	4	20
39-49	7	11	2	20
50-60	4	3	4	11
60 dan ke atas	0	0	8	8
Jumlah	21	35	21	77

Sumber: Kerja lapangan, 2020

Kesan Ekopelancongan terhadap Perkembangan Ekonomi Komuniti Setempat

Jadual 3: Kesan aktiviti ekopelancongan terhadap ekonomi, sosial, persekitaran dan budaya setempat

Penyataan	Min	Sisihan piawai (SP)
Ekonomi		
Peluang pekerjaan	4.65	.480
Peluang perniagaan	4.57	.498
Industri produk berkembang	4.56	.525
Menjana pendapatan	4.48	.528
Sosial		
Tambah baik pengangkutan dan komunikasi	4.05	.809
Menggalakkan pembangunan kemahiran	3.62	.744
Kesesakan pengunjung	4.16	.563
Peningkatan masalah sosial	4.66	.503
Kemasukan warga asing	4.69	.466

Persekitaran		
Kebersihan kawasan terjejas	4.40	.520
Pencemaran meningkat	4.43	.524
Hasil tangkapan terjejas	4.62	.514
Budaya		
Pemeliharaan adat dan tradisi	3.75	.728
Pemuliharaan landskap	4.00	.725

Sumber: Kajian lapangan, 2020

Jadual 2 di bawah menunjukkan statistik deskriptif bagi kesan peningkatan aktiviti ekopelancongan terhadap komuniti di Pantai Tanjung Kembang Kabong, Sarawak termasuklah kesan ekonomi, sosial, persekitaran dan juga budaya. Daripada jadual tersebut didapati hampir kesemua item berada di tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan ialah 4.28 (SP = 0.655) bagi kesan aktiviti ekopelancongan terhadap komuniti di Pantai Tanjung Kembang Kabong, Sarawak. Analisis kesan ekopelancongan terhadap ekonomi komuniti setempat menunjukkan aktiviti ekopelancongan membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat dengan nilai min 4.65 (SP = 0.480), diikuti peluang perniagaan 4.57 (SP = 0.498), industri produk berkembang 4.48 (SP = 0.525) dan menjana pendapatan 4.48 (SP = 0.528). Kesan ekopelancongan dalam membuka peluang pekerjaan juga dibuktikan melalui peningkatan kepada pendapatan bulanan isi rumah yang diperolehi melalui kajian ini sebanyak 14% responden yang mempunyai pendapatan melebihi RM 1200 sebulan kesan daripada aktiviti ekopelancongan. Kebanyakan penduduk memperolehi pendapatan sebagai pemandu pelancong, perniagaan kecil-kecilan dan mengusahakan kebun kelapa. Hasil dapatan ini menunjukkan ekopelancongan dapat menjadi insentif untuk memulih dan membangunkan ekonomi dan struktur sosial masyarakat yang lebih positif (Sangpikul, 2017). Selain itu, menurut Park dan Kim (2016) menyatakan tujuan ekopelancongan yang melibatkan komuniti local adalah bertujuan mengubah taraf hidup komuniti setempat yang berpendapatan rendah dengan meningkatkan pendapatan mereka melalui aktiviti-aktiviti ekopelancongan yang dilakukan.

Namun begitu, aktiviti ekopelancongan yang dijalankan juga memberi impak yang negatif kepada masyarakat khususnya yang berkait dengan aspek sosial. Melalui kajian ini, kebanjiran kemasukan pendatang tanpa izin (PATI) secara sah atau haram menyumbang kepada masalah sosial yang memberi kesan langsung kepada komuniti lokal. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan ini dengan min tertinggi dicatatkan iaitu 4.69 (SP = 0.466). Selain itu, penduduk tempatan mendapati kewujudan aktiviti ekopelancongan secara tidak langsung menyebabkan peningkatan masalah sosial dengan nilai min yang diperolehi sebanyak 4.66 (SP = 0.503). Hasil dapatan ini menyokong kajian oleh Das dan Chatterjee (2015) yang menyatakan bahawa aktiviti pelancongan dapat mendatangkan masalah sama ada etika atau moral termasuklah dari segi kualiti hidup, kesejahteraan dan masalah keselamatan. Aktiviti pelancongan juga secara tidak langsung membawa pengaruh yang besar kepada berlakunya rangkaian masalah sosial yang mengganggu masyarakat tempatan (Lin & Lin, 2019). Tambahan lagi, pertambahan kedatangan pengunjung khususnya dari luar ke Pantai Tanjung Kembang ini juga memberi rasa kurang selesa di kalangan penduduk tempatan dan juga pengunjung tempatan untuk beraktiviti di sekitar kawasan ini. Nilai min sebanyak 4.16 (SP= 0.563) ditunjukkan. Kedatangan pengunjung yang semakin bertambah secara tidak

langsung memberi kesan kepada keselesaan rekreasi di suatu kawasan pelancongan (Siswanto, 2015).

Selain itu, aktiviti ekopelancongan yang dijalankan di kawasan ini tidak memberi kesan yang drastik terhadap peningkatan kemudahan infrastruktur tempatan. Hasil kajian ini mendapat kebanyakan responden juga tidak bersetuju bahawa aktiviti ekopelancongan ini membantu perkembangan kemudahan pengangkutan dan komunikasi di kawasan kajian dengan nilai min 4.05 ($SP= .809$) diperolehi. Kajian juga mendapat aktiviti ekopelancongan di kawasan Pantai Tanjung Kembang tidak berjaya membangunkan kemahiran komuniti setempat dengan nilai min 3.62 ($SP=0.744$). Hasil dapatan ini mungkin disebabkan aktiviti ekopelancongan yang masih baru dikawasan ini. Selain itu, capaian terhadap teknologi juga masih terbatas di kawasan ini. Kebanyakan penduduk tempatan terlibat dengan aktiviti ekopelancongan tidak mendapat pendedahan secara formal bagi meningkatkan kemahiran mereka. Kemahiran khususnya dalam menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan ekopelancongan yang masih rendah memerlukan sokongan dan bantuan daripada pihak kerajaan negeri.

Di samping itu, dari segi aspek persekitaran pula menunjukkan ketiga-tiga pernyataan yang diutarkan kepada responden mendapat nilai min yang tinggi. Bagi pernyataan aktiviti ekopelancongan menyumbang kepada terjejasnya kebersihan di kawasan Pantai Tanjung Kembang Kabong, Sarawak juga telah mendapatkan nilai min yang tinggi iaitu sebanyak 4.40 ($SP= .520$). Responden atau komuniti setempat di Pantai Tanjung Kembang Kabong, Sarawak merasakan kawasan petempatan mereka semakin menurun tahap kebersihannya mungkin disebabkan oleh kelemahan di dalam aspek pengurusan kebersihan di kawasan ekopelancongan di sana. Semasa tinjauan ini dilakukan pengkaji mendapat bahawa pengurusan pembuangan sampah dan kebersihan tandas awam adalah sangat tidak memuaskan dan nampak kotor. Sepatutnya, di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai, orang awam, pengunjung dan pelancong patut disediakan tong sampah yang mencukupi bagi mengelakkan isu lebih sampah, longgokan sampah di luar tong sampah, bau yang tidak enak dan lain-lain lagi. Komuniti setempat juga perlu dididik supaya sentiasa menjaga kebersihan, sanitasi dan harta benda awam di kawasan ekopelancongan terutamanya di dalam tandas.

Responden juga menyatakan tahap pencemaran di kawasan tersebut telah meningkat dengan nilai min 4.43 ($SP= .524$). Penggunaan atau perubahan langsung guna tanah di kawasan Pantai Tanjung Kembang Kabong Sarawak mungkin merangkumi kehilangan kawasan hutan untuk memberi laluan kepada pembinaan bangunan, tempat tinggal dan kemudahan asas yang mana secara tidak langsungnya akan menyebabkan gangguan terhadap habitat dan pencemaran terutama pencemaran air. Disebabkan oleh pencemaran tersebut, hasil tangkapan nelayan akan turut terjejas disebabkan oleh pencemaran air yang berpunca daripada aktiviti ekopelancongan. Oleh itu pernyataan tersebut juga menerima nilai min yang tertinggi sekali iaitu 4.62 ($SP= .514$). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Swangjang dan Kornpiphat (2021) telah mendapat ekopelancongan yang dilakukan di Klong Kone, Thailand telah memberikan pengaruh yang negatif terhadap alam sekitar, seperti peningkatan sisa pepejal, kumbahan, pencemaran udara, dan kebisingan, serta kesan sosial, termasuk kesesakan dan perubahan gaya hidup. Aspek budaya pula memaparkan pernyataan tentang pemuliharaan adat dan tradisi berada pada tahap yang sederhana 3.75 ($SP = 0.728$). Hal ini mungkin disebabkan tiada lagi perubahan yang ketara dari segi budaya yang diamalkan oleh komuniti setempat untuk terpengaruh dengan budaya pelancong atau pengunjung luar. Walaupun, Eshun dan Tonto (2014) mendakwa bahawa

ekopelancongan dapat membantu dalam kelangsungan budaya dan membantu masyarakat tempatan untuk membezakan dan menghormati budaya dan sejarah unik mereka namun pengaruh budaya luar yang dibawa oleh pelancong didapati juga akan mengakas budaya setempat. Sementara penyataan bahawa ekopelancongan dapat memelihara dan memulihara landskap semulajadi di kawasan Pantai Tanjung Kembang Kabong, Sarawak juga mendapatkan nilai min yang sederhana iaitu 4.00 (SP = 0.725).

KESIMPULAN

Melalui kajian yang dijalankan terhadap aktiviti ekopelancongan di Pantai Tanjung Kembang di Kabong menujukkan terdapat kesan positif dan negatif yang diraih masyarakat melalui pembukaan kawasan ini sebagai kawasan ekopelancongan tempatan. Kajian ini mendapati kesan ekopelancongan tidak hanya menyentuh aspek ekonomi, sosial malahan memberi kesan kepada aspek persekitaran. Dari sudut positifnya, aktiviti ekopelancongan memangkin perkembangan ekonomi masyarakat tempatan melalui peluang pekerjaan yang secara tidak langsung memperbaiki pendapatan isi rumah melalui pelbagai aktiviti berkaitan ekopelancongan seperti pemandu pelancong dan berniaga walau pada peringkat kecil-kecilan. Namun begitu, hasil kajian ini yang diperolehi melalui kajian ini menunjukkan aktiviti ekopelancongan memberi banyak kesan buruk kepada masyarakat tempatan terutamanya dari aspek sosial seperti peningkatan kedatangan pendatang asing (PATI), kesesakan pengunjung dan peningkatan masalah sosial. Kesan negatif ekopelancongan terhadap aspek sosial sedikit sebanyak memberi tanggapan buruk kepada masyarakat yang sememangnya kurang menyokong aktiviti ini. Tambahan lagi, aktiviti ekopelancongan yang dijalankan di kawasan ini juga tidak menambah baik infrastruktur sedia ada khususnya kemudahan pengangkutan dan komunikasi. Keadaan ini menyebabkan penduduk tempatan hilang semangat untuk berusaha keras membangunkan kawasan ini supaya terus menjadi kunjungan pelancong dari dalam maupun luar negara. Selain itu, ketiadaan pendedahan formal utuk membangunkan kemahiran masyarakat tempatan juga menyebabkan aktiviti ekopelancongan yang dilaksanakan oleh penduduk tempatan khususnya dari sektor perniagaan gagal mencapai hasil yang maksima. Dalam hal ini, peranan kerajaan negeri amat diperlukan oleh masyarakat tempatan bagi membantu mereka memajukan dan merancakkan aktiviti ekopelancongan sekitar kawasan Pantai Tanjung Kembang ini.

Ekopelancongan turut memberi kesan terhadap keadaan persekitaran terutamanya dari segi tahap kebersihan. Kajian ini menunjukkan aktiviti ekopelancongan menyebabkan tahap kebersihan kawasan ini semakin menurun sejak dibuka kepada pengunjung luar. Hal ini dipercayai berlaku akibat pengurusan kebersihan di kawasan ini yang masih lemah dan perlu banyak penambahbaikan khususnya dari segi kesedaran masyarakat setempat dan pengunjung sendiri. Pengkaji mendapati pengurusan sampah dan kebersihan tandas awam sangat tidak memuaskan sebagai salah satu kawasan rekreasi komersial. Longgokan sampah yang menghasilkan bau yang kurang menyenangkan tidak seharusnya berlaku di kawasan ekopelancongan yang sedang meningkat naik seperti Pantai Tanjung Kembang ini. Dalam hal ini, kesedaran komuniti setempat dalam menjaga kebersihan, sanitasi dan kemudahan awam perlu diterapkan oleh pihak yang berwajib. Selain itu, kawasan kajian juga tidak terkecuali dari menghadapi masalah peningkatan kadar pencemaran terutamanya masalah pencemaran air yang

dikenalpasti berpunca daripada pembangunan yang dilakukan sekitar kawasan ini untuk tujuan pembinaan bangunan komersial, perumahan dan kemudahan asas lain. Masalah ini secara tidak langsung mendorong kepada gangguan habitat semulajadi flora dan fauna sekitar kawasan ini serta menjelaskan hasil tangkapan nelayan tempatan.

Aktiviti ekopelancongan sedikit sebanyak memberi kesan kepada kemasukan budaya yang dibawa oleh pengunjung khususnya yang datang dari luar negara. Namun begitu, dalam kajian ini penyelidik mendapati kawasan ekopelancongan di Pantai Tanjung Kembang di Kabong tidak memberi pengaruh budaya sama ada dari segi adat dan tradisi kepada masyarakat tempatan. Hal ini menunjukkan penduduk tempatan masih mengamalkan gaya hidup mengikut kepercayaan dan tradisi asal mereka serta sukar untuk menerima pengaruh budaya yang di bawa dari luar. Kajian ini juga menunjukkan aktiviti ekopelancongan yang diperkenalkan di kawasan ini tidak memberi kesan terhadap budaya memelihara dan memulihara alam sekitar untuk memastikan kawasan Pantai Tanjung Kembang sentiasa terjaga dan dikenali oleh pelancong dalam dan luar negara. Sikap masyarakat yang masih selesa dengan gaya hidup lama dan kurang menyedari peluang yang diperolehi melalui aktiviti ekopelancongan menyebabkan perkara begini berlaku.

Oleh itu, kajian ini sedikit sebanyak dapat dijadikan rujukan pihak yang bertanggungjawab dalam memajukan dan memperkenalkan kawasan sekitar Pantai Tanjung Kembang sebagai salah satu destinasi ekopelancongan yang wajar dikunjungi pada hari ini dan masa akan datang. Kajian ini memberi panduan khususnya kepada kerajaan negeri sendiri dalam mengenalpasti kekurangan dan kekuatan kawasan ini bagi menambahbaik kemudahan sedia ada yang sesuai bagi sebuah kawasan rekreasi komersial. Selain itu, pengetahuan dan pengalaman masyarakat tempatan juga perlu dipertingkatkan seiring dengan perkembangan teknologi dan kemodenan pada masa kini bagi menghasilkan komuniti yang berdaya saing dan bersemangat dalam memajukan aktiviti ekopelancongan di kawasan mereka.

RUJUKAN

- AdrianaTisca, I., Istrat, N., Dumitrescu, C. D., & Cornu, G. (2016). Management of sustainable development in ecotourism. Case Study Romania. *Procedia Economics and Finance*, 39, 427-432.
- Ah Choy, E., Atan, A., Muhammed, H., Sakawi, Z., & JH, A. 2012. Analisis kelebihan kompetitif ekopelancongan di Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang, Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(8), 158-169.
- Annuar, O. S. S. (2019, February 27). *Sektor pelancongan sumbang RM84.1 bilion*. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/02/535609/sektor-pelancongan-sumbang-rm841-bilion>
- Bansil, P. D. D., Capellan, S. A. R., Castillo, R. C., Quezon, C. D., & Sarmiento, D. M. B. 2015. Local community assessment on the economic, environmental and social aspects of ecotourism in Lobo, Philippines. *Asia Pacific Journal of Multidisciplinary Research*, 3(4), 132-139.

- Bashar, M. A. 2018. Vision on biodiversity: Ecotourism and biodiversity conservation in Bangladesh. *Journal of Biodiversity Conservation and Bioresource Management*, 4(1), 1-10.
- Boley, B. B., & Green, G. T. 2016. Ecotourism and natural resource conservation: the 'potential' for a sustainable symbiotic relationship. *Journal of Ecotourism*, 15(1), 36-50.
- Choi, A. S., & Ritchie, B. W. 2014. Willingness to pay for flying carbon neutral in Australia: an exploratory study of offsetter profiles. *Journal of Sustainable Tourism*, 22(8), 1236-1256. <https://doi.org/10.1080/09669582.2014.894518>
- Das, M., & Chatterjee, B. 2015. Ecotourism: A panacea or a predicament?. *Tourism management perspectives*, 14, 3-16.
- Eshun, G., & Tonto, J. N. P. (2014). Community-based ecotourism: its socio-economic impacts at Boabeng-Fiema Monkey Sanctuary, Ghana. *Bulletin of Geography. Socio-economic Series*, (26), 67-81. <http://dx.doi.org/10.1515/bog-2014-0045>
- Faizal, M. I., Hakim, L., & Harahap, N. 2017. Factors affecting level of participation in the management of mangroves as ecotourism attraction: lesson learned from Cengkrong Watulimo, Trenggalek. *Journal of Indonesian Tourism and Development Studies*, 5(1), 19-24.
- Fang, W. T., Lien, C. Y., Huang, Y. W., Han, G., Shyu, G. S., Chou, J. Y., & Ng, E. 2018. Environmental literacy on ecotourism: A study on student knowledge, attitude, and behavioral intentions in China and Taiwan. *Sustainability*, 10(6), 1886.
- Fennell, D. A. (2020). *Ecotourism*. Routledge.
- Habibi, F. (2017). The determinants of inbound tourism to Malaysia: a panel data analysis. *Current Issues in Tourism*, 20(9), 909-930. <https://doi.org/10.1080/13683500.2016.1145630>
- Halim, N. A., Er, A. C., Adam, J. H., Juhari, M. A. A., & Tarmidzi, S. N. A. 2017. Potensi pelancongan di Matu-Daro, Sarawak: Persepsi komuniti lokal (Local tourism potentials as perceived by the local community: The case of Matu Daro, Sarawak). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(9).
- Ibrahim, J. A., Razak, N. A., & Ahmad, M. Z. (2015, February). Tasik Pedu tinggal kenangan. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Transformasi Sosioekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) Kali ke-2*, Universiti Utara Malaysia (pp. 119-131).
- KC, A., Rijal, K., & Sapkota, R. P. 2015. Role of ecotourism in environmental conservation and socioeconomic development in Annapurna conservation area, Nepal. *International Journal of Sustainable Development & World Ecology*, 22(3), 251-258.
- Limmanee, P. 2018. Promoting the conservation of watershed forestry among environmental education students at the faculty of environment and resource studies. *International Journal of Agricultural Technology*, 14(7), 1391-1398.
- Lin, S. C., & Lin, M. T. Y. 2019. A Study of the Effects of Cause-related Marketing on Brand Image and Purchase Intention in Ecotourism. *Ekoloji*, 28(107), 2887-2892.
- Lyndon, N. 2019. Perspektif Sosiologi Bidayuh Terhadap Gerakan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM)(Sociological Perspectives on Sabah Sarawak Secession Movement of Malaysia (SSKM)). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4).

- Mayan, S. N. A., & Nor, R. M. 2017. Prospects and challenges of ecotourism sector and poverty eradication in Sabah: The case of orangutans and Mabul Island. *Global Journal of Social Sciences Studies*, 3(1), 1-12.
- Muadz, S. (2019, February 27). *Pelancongan Sumbang Rm84.1 Bilion Kepada Ekonomi Malaysia Dengan Ketibaan Pelancong Antarabangsa Seramai 25.8 Juta Pada 2018 - Tourism Malaysia Corporate Site*. [Www.tourism.gov.my](http://www.tourism.gov.my/media/view/pelancongan-sumbang-rm84-1-bilion-kepada-ekonomi-malaysia-dengan-ketibaan-pelancong-antarabangsa-seramai-25-8-juta-pada-2018).
<https://www.tourism.gov.my/media/view/pelancongan-sumbang-rm84-1-bilion-kepada-ekonomi-malaysia-dengan-ketibaan-pelancong-antarabangsa-seramai-25-8-juta-pada-2018>
- Noor, A. Y. M., Mokhtar, A. M., Sharif, S. M., Long, A. S., Ab Rahman, Z., & Wahab, N. A. A. (2019). Main Tourism Sectorsin Malaysia: A Contribution Towards Economic Growth.
- Oguz, D., Çakıcı, I., & Kavas, S. 2011. Environmental awareness of students in higher education. *Turkish Journal of Forestry*, 12(1), 34-39.
<https://dergipark.org.tr/en/pub/tjf/issue/20896/224373>
- Park, E., & Kim, S. 2016. The potential of Cittaslow for sustainable tourism development: enhancing local community's empowerment. *Tourism Planning & Development*, 13(3), 351-369.
- Saidin, S., Azman, N., Komoo, I., Halim, S. A., Stacey, N., & Izurieta, A. 2015. Strengthening shared values through the strategy of public education A case study of Kilim Geoforest Park, Malaysia. *Kajian Malaysia*, 33(2), 83-115.
- Sangpikul, A. 2017. Ecotourism impacts on the economy, society and environment of Thailand. *Journal of Reviews on Global Economics*, 6, 302-312.
- Santarém, F., Saarinen, J., & Brito, J. C. 2020. Article I: Desert Conservation and Management: Ecotourism. *Frederico da Costa Santarém*, 31.
- Sardiana, I. K., & Purnawan, N. L. R. 2015. Community-based ecotourism in Tenganan Dauh Tukad: an indigenous conservation perspective. *Jurnal Kajian Bali*, 5(2), 347-368.
- Siswanto, A. 2015. Eco-Tourism Development Strategy Balurannational Park in the Regency of Situbondo, East Java, Indonesia. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 4(4), 185-195.
- Swangjang, K., & Kornpiphat, P. 2021. Does ecotourism in a Mangrove area at Klong Kone, Thailand, conform to sustainable tourism? A case study using SWOT and DPSIR. *Environment, Development and Sustainability*, 1-26.
<https://doi.org/10.1007/s10668-021-01313-3>
- Vishwanatha, S., & Chandrashekara, B. 2014. An analysis of socio-cultural impacts of ecotourism in Kodagu District. *American journal of research communication*, 2(7), 135-147.

MAKLUMAT PENULIS

AZIMAH ABD RAHMAN

Unit GeoInformatik, Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia
azimahrahman@usm.my

AINUR NELISA KAMARUZAMAN

Unit GeoInformatik, Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

azimahrahman@usm.my

SITI MASAYU ROSLIAH ABDUL RASHID

Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia

11800, USM, Pulau Pinang, Malaysia

masayurashid@usm.my